

MAJLIS PENUTUP PROGRAM REMAJA BERWAWASAN SUMMER CAMP SIRI 9/2017 PERINGKAT NEGERI PAHANG

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2432-majlis-penutup-program-remaja-berwawasan-summer-camp-siri-9-2017-peringkat-negeri-pahang

GAMBANG, 15 Sept 17 – NBOS telah mengadakan satu Program Remaja Berwawasan di Kem PLKN Gambang yang telah berlangsung mulai 11 hingga 15 September 17. Turut hadir Panglima Bantuan Udara, YBhg Lt Jen Dato' Paduka Wan Normazlan bin Che Jaafar TUDM, Wakil Komander Pangkalan Udara Kuantan, Lt Kol Norizal bin Timan @ Adiman TUDM, Timbalan Ketua Pencegahan Jenayah ACP Khaled bin Che Lah, Wakil Ketua Pengarah JPN Tuan Hj Mohd Raauf bin Hj Jali. Pegawai-pegawai Kanan ATM, PDRM dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Seramai 200 orang pelajar dari 10 buah Sekolah sekitar Negeri Pahang telah berjaya menamatkan program ini dengan jayanya. Dalam Program ini SMK Karak Setia telah dipilih sebagai sekolah terbaik berdasarkan kriteria yang melibatkan penampilan, kepimpinan dan kerjasama dalam kumpulan, guru dan jurulatih serta acara yang dipertandingkan dalam program ini.

